

# Bahasa rasmi makin dipinggirkan?

■ SITI AZIELAH WAHI

**KEDUDUKAN** bahasa Melayu jelas berdasarkan Fasal 152 (1) Perlembagaan Persekutuan. Namun sejauh mana bahasa Melayu dinobatkan sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan mungkin boleh dipertikai.

Dari segi sejarah penggubalan undang-undang, perenggan 170 dan 171 Laporan Suruhanjaya Reid telah mengesyorkan supaya bahasa Melayu menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi bagi negara kita.

Pun begitu, pelaksanaan penggunaannya sebagai bahasa rasmi di pejabat-pejabat kerajaan seperti di mahkamah khususnya semakin berkurangan di mana kebanyakan surat dan dokumen mahkamah, prosiding perbicaraan dan alasan penghakiman dikemukakan dalam bahasa Inggeris.

Jelas dilihat dalam kamar-kamar mahkamah, terdapat papan tanda yang menyebut 'Gunakan Bahasa Kebangsaan'.

Kewujudan papan tanda itu dilihat salah satu langkah kerajaan dalam melaksanakan langkah untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi mahkamah, namun sejauh manakah keberkesannya?

Dari segi undang-undang Malaysia, bahasa Melayu diperkukuhkan lagi melalui Akta Bahasa Kebangsaan 1967 yang menetapkan bahasa itu sebagai bahasa rasmi tunggal.

Pindaan dalam Akta Perlembagaan 1971 pula, menetapkan status bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan tidak boleh dipersoalkan. Mereka yang berbuat demikian boleh didakwa di bawah Akta Hasutan 1984. Bahasa rasmi itu juga tidak boleh dipinda tanpa persetujuan Majlis Raja-Raja.

Perlembagaan Persekutuan hanya memberikan tempoh 10 tahun selepas Hari Merdeka untuk baha-



MOHD FADLY

sa Inggeris digunakan, namun kini menjelang tahun ke-58 kemerdekaan, penggunaan bahasa Melayu masih tidak menyeluruh.

Ketua Kluster Governans, Perundangan dan Pengurusan Awam Majlis Profesor Negara (MPN), Prof. Dr. Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood ketika diminta mengulas mengenai penggunaan bahasa Melayu di mahkamah menyatakan, dokumen-dokumen dan surat yang dihantar ke mahkamah di negara ini diwajibkan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi.

Bagaimanapun apa yang menjadi halangannya apabila tiada usaha secara bersama daripada pihak mahkamah sendiri, merealisasikan arahan itu.

Beliau berkata, memang sukar bagi sesetengah prosedur menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya lebih-lebih lagi melibatkan istilah bahasa Inggeris yang diterjemah, namun usaha tersebut telah lama dilakukan.

Nik Ahmad Kamal berkata, semua pihak di mahkamah perlu memainkan peranan tidak terkecuali



MOHD HAFARIZAM

Majlis Peguam, mahkamah serta universiti-universiti yang terlibat mengajar subjek undang-undang, termasuk dalam menggalakkan penulisan dalam bahasa Melayu.

"Isu peguam tidak fasih berbahasa Melayu selalunya menjadi alasan. Jadi demi keadilan mahkamah membenarkan bahasa Inggeris digunakan," katanya.

## Apa kata peguam

Sementara itu, peguam Datuk Mohd Hafarizam Harun dalam reaksinya berhubung isu tersebut menegaskan, mahkamah perlu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasminya selaras Akta Bahasa Kebangsaan 1963.

Bagaimanapun, menurutnya, sebagai pengamal undang-undang, terdapat beberapa halangan, yang menjadi faktor bahasa Inggeris digunakan ketika bersidang mahupun ketika menyediakan dokumen-dokumen kes.

Hafarizam berkata, salah satu faktor utama yang menjadi cabaran pengamal undang-undang menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya adalah disebabkan kurangnya koleksi buku-buku rujukan undang-undang dalam bahasa Melayu yang menyukarkan pengamal untuk membuat rujukan.

Selain itu, Hafarizam berkata, masih terdapat ramai hakim-hakim di mahkamah yang mendapat latihan



Pengamal undang-undang hadapi kekangan istilah perundangan.

an dan ditauliahkan di luar negara khususnya di England yang lebih fasih menggunakan bahasa Inggeris.

Penggunaan istilah undang-undang dalam bahasa Inggeris yang mempunyai maksud lebih jelas dan tepat dalam undang-undang juga menjadi faktor penggunaan bahasa Melayu sepenuhnya di mahkamah sukar direalisasikan.

"Undang-undang Malaysia banyak yang bersandar kepada England. Terma-terma undang-undang dan istilah teknikal juga menggunakan istilah bahasa Inggeris yang membawa maksud lebih tepat," katanya.

Sementara itu, peguam Mohd Fadly Hashim berkata, beliau yang telah berkhidmat selama 15 tahun dalam bidang guaman sentiasa menganggap penggunaan bahasa Melayu di mahkamah perlu dilaksanakan sewajarnya.

Menurutnya, hakim yang memperkerusi setiap prosiding perlu memainkan peranan lebih proaktif bagi menggalak penggunaan bahasa Melayu.

"Sekiranya hakim bertegas mengarahkan sesuatu prosiding dijalankan dalam bahasa Melayu, peguam dan pendakwa raya akan menurut arahan tersebut," katanya.

Beliau berkata, kebanyakan kes-kes mahkamah rendah sememangnya menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantar dalam setiap prosiding, namun boleh menggunakan perkataan bahasa Inggeris dengan memohon izin daripada hakim.

"Jika kita sebagai peguam berbahasa Melayu tidak menggunakan bahasa Melayu, siapa lagi yang akan memartabatkan bahasa kita di mahkamah," tegasnya.

Seorang lagi peguam, Muhammad Akram Abdul Aziz berkata, beliau sentiasa bersedia untuk menggunakan bahasa Melayu mahupun bahasa

Inggeris ketika berhujah.

Menurut Muhammad Akram, kebiasaannya para peguam menyediakan dokumen dan surat mahkamah menggunakan bahasa Melayu, namun ketika berhujah banyak istilah dan penggunaan kata yang lebih tepat menggunakan bahasa Inggeris kerana apabila diterjemah kepada bahasa Melayu membawa maksud yang kurang berpadanan.

Menurutnya, tidak dinafikan, di kamar-kamar mahkamah, banyak terdapat papan tanda umpamanya 'Bahasa Jiwa Bangsa' dan 'Gunakan Bahasa Kebangsaan' dan sebagainya, namun mahkamah terpaksa menggunakan bahasa campur semasa perbicaraan disebabkan sesetengah pihak terlibat lebih mahir menggunakan bahasa Inggeris.

"Demi memberikan perbicaraan yang adil, sesetengah perbicaraan perlu dijalankan menggunakan bahasa Inggeris supaya tidak memprejudisik salah satu pihak," katanya.

## Cadangan memartabatkan penggunaan bahasa Melayu di mahkamah

Hafarizam berkata, dua agensi mungkin perlu mengambil inisiatif dan bertindak sebagai jurupandu kearah menggalakkan penggunaan bahasa Melayu di mahkamah iaitu Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), mahupun Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Menurutnya, ITBM boleh mempergiat usaha menterjemah buku-buku undang-undang supaya dapat digunakan sebagai rujukan oleh institusi pengajian dan pengamal undang-undang.

Selain itu, DBP juga boleh memperluas kosa kata dengan menerima pakai lebih banyak istilah undang-undang dalam bahasa Inggeris ke bahasa Melayu.

